

19 APRIL 1972

**K**ELAMBATAN orang2 Melayu menerima perubahan2 yang membawa kemajuan di-sebabkan chengkaman adat dan fahaman fanatik telah menyebabkan mereka tertinggal di-belakang.

Demikian di-tegaskan oleh Dr. Mahathir bin Mohammad ketika bercheramah kepada lebih dari 300 orang anggota Gerakan Belia 4-B Kedah dalam cheramah-nya bertajok "Belia dan Masharakat" di-Sekolah Menengah Ayer Hitam baru2 ini.

Menurut beliau lagi, kemungkinan orang2 Melayu dalam bidang ekonomi dan pelajaran sekarang ada-lah juga kerana "sistem nilai" yang di-terima oleh orang2 Melayu hari ini tidak betul.

Bagaimana pun kata-nya lagi, akhir2 ini masharakat Melayu telah menyedari hakikat ini dan menerima juga perubahan2, itu.

"Tetapi kadar menerima perubahan yang agak terlambat itu menyebabkan bangsa lain menggunakan kesempatan iri untuk kemajuan diri mereka, sa-hingga meninggalkan kita jauh di-belakang tegas Dr. Mahathir lagi.

Beliau lalu menyebut bagaimana orang2 Melayu telah menolak faedah2 dan kemudahan2 yang di-beri oleh bank sa-mata2 kerana anggapan yang perbuatan itu ada-lah satu dosa.

Pada hal orang2 asing yang menggunakan kesempatan ini untuk berniaga dan menchari kekayaan telah senang senang.

## FAEDAH

Tapi akhir-nya seperti mana yang terdapat hari ini masharakat bangsa Melayu telah menerima faedah2 bank seperti yang di-keluarkan oleh Bank Peranian, Bank Kerjasama dan lain2 yang mana faedah tersebut satu masa dahulu di-anggap dosa.

Untuk meyakinkan kemajuan bangsa Melayu supaya sa-tanding dengan bangsa2 lain menurut Dr. Mahathir kerajaan patut mengenakan "Undang2 Islam" kepada orang2 bukan Islam yang memberi hutang atau pun membenarkan orang2 Islam mem-

beri pinjaman dengan kadar yang tidak menyusahkan.

Dr. Mahathir kemudian mengingatkan beliau2 tersebut supaya memajukan diri mereka sendiri dahulu sa-belum memajukan orang lain.

"Perubahan sikap menyedari diri untuk menghadapi sa-tiap chabaran dan masalah hidup merupakan perkara penting yang mesti di-amalkan oleh beliau2 untuk mendapat kemajuan tegas-nya.

## PIMPIN

"Penerimaan beliau2 untuk menchari jalan yang boleh memajukan diri mereka dan sikap bersungguh2 dalam sa-barang usaha merupakan faktor penting yang boleh memimpin beliau2 di-negeri ini ka-arrah kejayaan sama ada dalam bidang ekonomi mahu pun pelajaran" tambahnya.

Untuk mengatasi penganggaran menurut Dr. Mahathir kerajaan mesti-lah membanyakkan industri perusahaan yang berasaskan kepada pertanian di-kawasan2 luar bandar.